

15 MAY 1996  
Mahathir-Yong  
YONG TECK LEE KINI BOLEH MENJADI KETUA MENTERI

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini perlantikan Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri Sabah kini boleh dilakukan memandangkan beliau tidak hilang kelayakan sebagai wakil rakyat.

Perdana Menteri berkata beliau telah meninggalkan arahan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya meneruskan urusan perlantikan Yong jika sudah tidak ada lagi halangan daripada segi undang-undang.

Yong dan empat yang lain telah didenda RM1,000 oleh Mahkamah Majistret di Kota Kinabalu hari ini setelah mengaku bersalah terhadap tuduhan yang dipinda menyertai perhimpunan yang tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa semasa pilihan raya 1990.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, Yong boleh dilucutkan daripada menjadi anggota Dewan Negeri sekiranya beliau didenda RM2,000 atau lebih.

Dr Mahathir, yang telah dimaklumi mengenai keputusan mahkamah itu di sini, berkata: "Ini bermakna beliau tidak akan dilucutkan daripada memegang jawatan dan akan terus menjadi seorang anggota dewan (negeri). Saya telahpun meninggalkan arahan kepada Datuk Seri Anwar. Oleh itu beliau boleh teruskan (dengan perlantikan itu)."

Apabila ditanya bila Yong akan mengangkat sumpah, beliau berkata; "Saya perlu menghubungi Datuk Seri Anwar."

Yong, presiden Parti Maju Sabah (SAPP), telah dinamakan untuk mengambil alih jawatan Ketua Menteri dari Datuk Salleh Said Keruak dari Umno mengikut sistem penggiliran yang dijanjikan oleh Perdana Menteri.

Mengenai perlantikan Menteri Besar baru Kedah, beliau berkata; "Buat masa ini saya belum tahu lagi. Saya berada jauh dan terputus daripada berita-berita."

Tan Sri Osman Aroff telah menghantar surat perletakan jawatan beliau tetapi pengganti beliau masih belum dinamakan lagi.

Dr Mahathir berlepas dari Kuala Lumpur malam Ahad lepas dan akan berada di luar negeri sehingga 24 Mei.

Semenetara itu di Kuala Lumpur, Anwar apabila ditanya oleh wartawan, enggan menyatakan bila perlantikan Yong akan dibuat. -- BERNAMA

TCL WAT NMO